

SULTAN BERSAMA RAKYAT



Seorang warga emas, Puteh Abdullah, 67, dari Bukit Kemendul antara penerima sumbangan pada majlis berkenaan.



Tuanku berbuka bersama warga Kuala Langat

KUALA LANGAT - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat pada Majlis Berbuka Puasa bersama Rakyat, Penyampaian Sumbangan Hari Raya Peringkat Daerah Kuala Langat dan perasmian masjid di Masjid Nurul Hidayah, Sri Cheeding petang semalam.

Dalam kunjungan itu, Sultan Sharafuddin turut meluangkan masa bersama-sama penduduk setempat un-

tuk menunaikan solat Maghrib dan Isyak serta solat sunat tarawih berjemaah di masjid berkenaan.

Turut hadir mengiringi baginda, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Pada tahun ini, Lembaga Zakat Selangor telah mengagihkan bantuan kepada seramai 146 penerima daripada asnaf muallaf dan 281 fakir miskin.

Dalam majlis tersebut, baginda turut

merasmikan Masjid Nurul Hidayah yang telah dibina pada tahun 1970 di mana masjid berkenaan mampu memuatkan seramai 700 jemaah pada satu masa.

Masjid yang sudah berusia 40 tahun itu masih kukuh dan pernah menjalani proses naik taraf yang kedua pada tahun 1972 dan tahun 1984 dengan menyediakan tambahan keluasan ruang solat berjemaah lelaki dan wanita, bilik mandi, tandas, ruang pejabat dan bilik kuliah.



Ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang asnaf.



Tuanku berkenan merasmikan Masjid Nurul Hidayah.



Sebahagian muallaf beratur sementara menunggu giliran menerima sumbangan.



Sebahagian penerima sumbangan menunjukkan sampul yang diterima daripada Sultan Sharafuddin.



Antara ahli jawatankuasa Masjid Nurul Hidayah Sri Cheeding (baju hijau) dan jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP).